



Aplikasi 'Think Quran' memudahkan pembaca fahami kandungan kitab suci

Noor Atiqah Sulaiman - Jun 17, 2023 @ 9:59pm
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

PETALING JAYA: Aplikasi pendidikan 'Think Quran' secara rasminya dilancarkan di negara ini selepas mendapat sambutan menggalakkan daripada pengguna.

Timbalan Mufti Sabah, Datuk Abdul Manap Lakariba, berkata aplikasi itu membantu orang ramai untuk lebih memahami al-Quran dengan bahasa yang mudah.

Katanya, aplikasi seumpama itu sangat dialu-alukan, terutama kerana ia boleh diakses di mana-mana serta dapat digunakan oleh pelbagai peringkat umur.

"Konsepnya yang memfokuskan kepada pembelajaran dalam skop kecil, pengulangan kalimah dan latihan secara mudah alih dapat memberikan penyelesaian kepada kebuntuan masyarakat yang kini sibuk dengan tugas harian.

"Saya cukup tertarik dengan kebolehan Think Quran, dalam bentuk visual dan sudah pastinya ia dapat menarik perhatian pengguna untuk memperkukuhkan penguasaan bahasa al-Quran.

"Jadi aplikasi ini akan menjadi pencetus kepada orang ramai untuk suka membaca al-Quran dan pada masa sama memahami maksud apa yang mereka baca," katanya dalam ucapan pelancaran aplikasi berkenaan, di sini hari ini.

Abdul Manap berkata, al-Quran adalah pedoman unggul yang menjadi rujukan penting dalam kehidupan seseorang muslim.

"Maka daya cipta yang digerakkan oleh pasukan Think Quran untuk memudahkan pemahaman perkataan al-Quran dalam tempoh yang singkat ini sangat digalakkan.

"Sebagai orang Islam, kita seharusnya menerima perubahan untuk memajukan falsafah keilmuan, maka Think Quran adalah contoh terbaik dalam mengolah daya cipta sesuai dengan keperluan muslim di negara ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Think Quran, Datuk Abdul Radzeen Abdul Rahman, berkata aplikasi itu adalah teknologi pendidikan yang memudahkan pengguna memahami bahasa al-Quran walaupun tidak mempunyai asas bahasa Arab.

Katanya, sejak aplikasi itu diperkenalkan, lebih empat juta kalimah sudah dipelajari oleh pengguna, sekaligus mencapai sasaran ketika awal penubuhan platform itu.

"Think Quran adalah pintu untuk orang ramai kenal dan dekati Al-Quran. Diharapkan dengan adanya aplikasi ini, ia dapat menambah minat orang ramai untuk memahami kitab suci.

"Diharapkan setiap pengguna menjadi semakin dekat dengan al-Quran serta mendapat keberkatan yang melimpah ruah. Harap mereka dapat memahami serta terus belajar mentafsir kitab suci," katanya.